

# Usaha selesai dilema siswa



**M**eraih kepercayaan merupakan cabaran besar buat saya sepanjang menggalas jawatan ini. Tidak mudah sebenarnya hendak menerima kepercayaan orang lain untuk memimpin. Walaupun begitu, saya perlu yakin dan percaya pada diri bahawa saya mampu melakukannya," ujar Abdul Hannaan Khairy, 21.

Beliau yang dilantik Yang Dipertua (YDP) Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) pada November 2014 lalu sebenarnya masih lagi terkejut dengan pelantikan tersebut. Baginya, calon bertanding cukup hebat namun inilah yang dinamakan rezeki dari ALLAH.

Hannaan yang berasal dari Perlis itu berkata, sejak menggalas jawatan YDP, masanya cukup terhad dan tiada istilah waktu lapang buat dirinya.

## PROFIL

**Nama:** Abdul Hannaan Khairy

**Pendidikan:** SK Kayang, Perlis (5A-UPSR), SMK Derma, Perlis (6A 2B-PMR, 5A 4B-SPM), UTHM (Tahun 2, Sarjana Muda Kejuruteraan Elektronik)

**Jawatan disandang:** YDP MPP UTHM, Pengerusi Kelab Diploma 2011, Exco Jab Kepimpinan Latihan & Keusahawanan MPPUTHM sesi 2012/2013, Timbalan Presiden Kelab Sahabat 1Malaysia UTHM 2014 dan penulis *The Patriots* (NGO)

**Cita-cita:** Juruterbang  
**Prinsip hidup:** Percaya dengan diri sendiri dan tegas mempertahankan pendirian



"Masa saya selalunya dipenuhi dengan kuliah, ulang kaji dan program MPP. Jika ada sedikit masa, saya akan luangkannya untuk bersama dengan rakan-rakan.

"Bagi saya, walau sesibuk mana pun dalam bidang yang kita ceburi, kita juga harus menjaga hubungan dengan sahabat handai yang menyokong selama ini dan yang sentiasa membantu dalam pelajaran," katanya yang menjadikan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad sebagai idola.

Hannaan yang merupakan anak kepada Khairy Salim dan Nafizah Darus ini mengakui amat meminati sukan badminton dan juga futsal di kampus. Namun begitu, ia hanyalah sekadar satu sukan ketika waktu riadah bersama rakan-rakan. Tidak mempunyai skill yang hebat sangat dalam sukan ini kerana bagi Hannaan, bersukan mengeratkan hubungan dengan rakan-rakan lain selain menyihatkan badan dan menghilangkan stress.

## CUBA SELESAI

"Kami di barisan MPP akan berusaha untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh penuntut di sini.

Misalnya, permasalahan bas yang sentiasa menjadi bualan kalangan siswa siswi. Sehingga kini, saya menerima beberapa aduan bahawa terdapat bas yang tidak mengikut jadual perjalanan dengan betul. Sering sahaja lambat sampai di hentian bas yang ditetapkan.

"Di UTHM, kita ada bas universiti dan bas kontrak. Yang bermasalah adalah bas kontrak yang digunakan untuk shuttle. MPP sedang menyiasat perkara ini dan cuba mendapatkan respons siswa untuk penukaran route. Jawatankuasa khas yang terdiri MPP dan pimpinan kelab dibentuk dalam menangani permasalahan ini dari semasa ke semasa," katanya.

Selain masalah bas, beberapa isu lain juga sedang diselesaikan oleh MPP dan ada antaranya telah menemui kejayaan. Misalnya, isu fasiliti pembelajaran yang rosak telah dibawa dan diambil tindakan oleh pihak universiti. Kaedah pembayaran yuran telah dipermudahkan dengan pembayaran online (e-payment) yang mana sebelum ini hanya menggunakan kaedah manual.

Kemudahan wifi pula, semakin baik malah kerjasama yang erat antara MPP dan Pusat Teknologi Maklumat UTHM mula terjalin rapat dek wifi ini. Kewujudan kelas khas *Malaysia University English Test* (Muet), hasil idea dan inisiatif MPP UTHM juga dilihat sebagai isu paling berjaya diselesaikan dalam membantu segelintir penuntut yang berdepan masalah mencapai Band tertentu dalam Muet.

Kata Hannaan yang meminati filem Tanda Putera, *Fast & Furious*, *49 Days* dan filem bergenre aksi itu, media sosial menjadi satu medium besar kepada MPP untuk menyalurkan maklumat.

Di facebook, dua saluran dibuka iaitu facebook *Majlis Perwakilan Pelajar UTHM* dan facebook group *Berita de UTHM*.

"Dua medium ini digunakan sepenuhnya untuk menyalurkan dan mendapatkan maklumat. Maklumat yang di perolehi daripada siswa seperti aduan dan cadangan untuk menambahbaikkan persekitaran universiti. Sehingga kini, hampir 100 isu yang telah dikumpulkan oleh MPP dan antara isunya adalah isu siswa di kolej kediaman, isu pimpinan kelab dan isu-isu umum di universiti," ujarnya.

Bertanyakan tentang harapan, anak sulung daripada empat beradik berkata, harapannya adalah meneruskan perjuangan membantu siswa yang lain dan sama-sama teguhkan barisan kepimpinan dalam menghadapi cabaran mendatang.

"Suka saya kongsi, perkara biasa apabila berada dalam organisasi, tentunya akan ada banyak cabaran, namun begitu kepercayaan itu tonggak penting dalam mengekalkan prestasi dan komitmen yang ada," katanya sambil menambah penuntut haruslah bijak menggunakan medium MPP ini sebagai satu medium untuk meluaskan *networking* dengan orang lain, juga sebagai satu platform untuk melatih diri sebagai seorang pemimpin dan melebihi apa yang diri mampu capai.

Bawa isu kolej kediaman, pimpinan kelab, masalah bas, fasiliti ke peringkat tertinggi

Universiti Awam/Swasta dan institusi pengajian tinggi yang ingin berkongsi kisah pemimpin siswa mereka dengan pembaca *Kampus*, boleh emel kepada roshlawaty@sinarharian.com.my